

31 AUG 2000

Ghani-Pasir

JOHOR BEKU PENGELUARAN LESEN BARU EKSPORT PASIR LAUT KE SINGAPURA

KOTA TINGGI, 31 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Johor telah mengarahkan pembekuan semua permohonan baru untuk mendapatkan lesen eksport pasir laut ke Singapura sejajar dengan arahan Kabinet.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata kerajaan negeri juga tidak akan memperbaharui semua lesen mengeksport pasir laut ke negara jiran yang kebanyakannya tamat pada akhir tahun ini.

"Kerajaan negeri memang mematuhi arahan itu seperti ditetapkan oleh Kabinet sejak tiga bulan lalu," katanya kepada pemberita selepas majlis sambutan Hari Kebangsaan ke-43 peringkat negeri di Padang Bukit Kerajaan di sini.

Abdul Ghani, bagaimanapun, berkata lesen itu tidak boleh diberhentikan serta merta kerana terpaksa menunggu lesen, yang dikeluarkan bagi mengangkut pasir laut dalam lingkungan tiga batu nautika, itu tamat tempoh kontraknya.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gadam supaya pengeluaran lesen eksport pasir laut dan sungai ke negara jiran dihentikan berkuatkuasa serta merta.

Langkah kerajaan itu bertujuan untuk menjamin keperluan bahan berkenaan di negara ini mencukupi pada masa akan datang.

Mengulas mengenai perutusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Hari Kebangsaan, Abdul Ghani berkata masyarakat perlu menolak kumpulan yang mahu mencetuskan sentimen perkauman sehingga boleh menjejaskan persefahaman kaum yang dibina sejak negara mencapai kemerdekaan 43 tahun lalu.

Oleh itu, rakyat perlu berhati-hati kerana kebelakangan ini gejala itu sudah mula menular melalui Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina (Suqiu) dan kumpulan Al-Ma'unah, yang disifatkan sebagai satu petanda bahaya, katanya.

"Perbuatan mereka (Suqiu dan Al-Ma'unah) boleh menyebabkan timbulnya saling tidak yakin mengenai persefahaman antara satu sama lain dan ini akan membawa kepada perpecahan kaum," kata beliau.

-- BERNAMA

BH MNY FAZ